

25 OCT 1998

PM HADIRI KENDURI KAHWIN DI LANGKAWI

LANGKAWI, 25 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan Anggota Parlimen Langkawi yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib, di Taman Desa Kemboja di sini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Perdana Menteri kemudian merenjis air mawar kepada pasangan pengantin Nur Bahiyah Azlinda Abu Bakar, 26 dan Rashidi Jamani, 26, diikuti oleh Dr Siti Hasmah.

Antara kenamaan yang hadir ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Puan Seri Nila Inangda Manyam Keumala, Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Pertanian Datuk Dr Sulaiman Daud serta beberapa timbalan menteri dan tokoh korporat.

Perdana Menteri yang mempunyai beberapa aturcara di Langkawi dijangka melancarkan produk pertanian "Terus Maju" iaitu baja khas untuk penanaman padi di Muzium Padi, Pantai Cenang di sini, petang ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri meninjau beberapa projek pembangunan di sekitar pulau peranganin ini.

Beliau akan berlepas pulang ke ibu negara petang ini.

-- BERNAMA

NH NAK